

Gerhana Bulan Separa berlaku tepat pada waktunya.

Contributed by Shah
Friday, 08 September 2006
Last Updated Sunday, 10 September 2006

Gerhana bulan separa telah berlaku dengan indahnya pada pagi tadi.

Cuaca di sekitar lokasi cerapan di Bandar Sri Damansara berawan nipis, mengakibatkan hanya bulan sahaja yang kelihatan, namun ia masih cukup untuk membenarkan kita melihat formasi fasa-fasa gerhana yang berlaku.

Imej disebelah diambil lebih kurang jam 2.55 pagi, 4 minit selepas gerhana separa ini capai ke kemuncaknya. Perhatikan bentuk gerhana ini hampir serupa dengan gerhana pada tahun 2005. Cuma yang berbezanya, pada tahun 2005 gerhana berlaku ketika waktu Isya', manakala tahun ini Bulan sedang tegak di atas kepala.

Ia diambil menggunakan kamera digital Sony Mavica FD97, pada f/2.8 dan waktu dedahan 1/500 saat. Zoom pada 20X.

Anda mempunyai foto gerhana untuk dikongsi? Poskan laporan anda di forum Falak-Online.